

49

NO. SOALAN: 26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK DR. HAJI ABD LATIFF BIN
AHMAD [MERSING]**

TARIKH : 25 OKTOBER 2017 [RABU]

SOALAN :

**Datuk Dr. Haji Abd Latiff bin Ahmad [Mersing] minta PERDANA
MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan
akta wakaf demi menyeragamkan pengawalan fungsi 'regulatory' wakaf
supaya lebih sistematik dan tersusun.**

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, hal ehwal berkaitan
pentadbiran Agama Islam termasuk wakaf adalah berada di bawah
bidang kuasa negeri-negeri iaitu Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Ini

selaras dengan peruntukan Butiran 1, Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Dalam hal ini, Kerajaan melalui Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) bertindak sebagai pemudahcara diperingkat Persekutuan bagi membantu dan menyelaraskan MAIN dalam pengurusan wakaf supaya dapat diuruskan dengan lebih sistematik dan tersusun. Antaranya menerbitkan siri Manual Pengurusan JAWHAR yang memberi fokus kepada perundangan wakaf iaitu Manual Pengurusan Model Perundangan Wakaf pada tahun 2008. Manual ini dijadikan panduan kepada semua MAIN di dalam memperkemaskan perundangan wakaf dan seterusnya meningkatkan kecekapan pengurusan harta wakaf di seluruh negara.

Beberapa MAIN telah menggubal, mewarta dan menguatkuasakan enakmen wakaf di negeri masing-masing seperti Enakmen Wakaf Majlis Agama Islam Selangor 2015 serta Enakmen Wakaf Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Perak 2015.

Sekian, terima kasih.